
Title	Sa-tahun sa-kali...?
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

SA-TAHUN SA-KALI...?

Pagi Hari Raya Aidil-Fitrah

Suboh baharu menjelang - pagi, matahari nampak seminar, kuning emas tersenyum di-timur sabagai mengalu2-kan hari gembira bahagia bagi muslimin sa-dunia. Segala kandaraan bus, taxi, trem dan lain di-penohi oleh sabahagian umat muslimin kaya miskin tak kira bangsa dengan pakayan baharu, perasaan baharu - barangkali tikad dan azam pun baharu jua..... Di-tengah2 kota, bertali arus warna warni pakayan kuning, merah jambu, hijau berkilat, berbunga berbagai2..... Serban berjela2, tarbus merah berumbai2 turun memenohi kota, sabagai benda hanyut di-atas ayer. Ah, sungguh meriah, ka-mana mereka itu.....

Dengan maksud satu mereka berjalan terus menuju kapada bangunan endah, di-tempat ibadat yang pada masa itu telah di-dengar mereka suara merayu orang bertakbir, memuji dan memuja ka-besaran allah. Sunggoh mengharukan perasaan meng-insafkan pikiran semua pendengar..... Ka-sana mereka berdongong2 berdahulu2 naik lalu masuk ka-misjid dan turut bertakbir menanti imam akan mendirikan dua raka'at sunat Aidil-Fitrah.

Satelah selsai dan berpuas hati dengan ibadat, sabagai-mana kaadaan-nya mereka naik tadi, begitu-lah pula chara turun-nya,..... berebut2 berjejal, ada orang yang sabar turun kemudian tidak buru2, tetapi wahai malang rupa-nya orang2 mulia itu.

"Hai! baharu sahaja ku letakkan di-sini, sudah tiada

pula" kata sa-orang hamba alāh bersungut ka-hilangan kasut John White-nya.

"Belum keluar dari tempat ibadat sudah terdapat penchuri - rupa-nya ada penchuri menyamar sabagai 'alim ulamak....." sa-orang lagi bersungut bila puas di-chari-nya selipar-nya tiada jua berjumpa.

Ada pula yang tidak banyak rewel, terus keluar dari mesjid lalu masuk kedai kasut baharu menggantikan beret-nya yang sudah menjadi korban "berdahuluan2 itu" supaya tidak terpaksa pulang duam (kaki ayam) sahaja. Memang dalam sandiwara hidup semua ma'nusia melakonkan bahagian terpenting dalam cherita masing2..... Nox/ Objection)

Di-tengah2 ma'nusia yang mengechap ni'mat bahagia Aidil-Fitrah dengan pelbagai makanan yang enak, pakayan nan chantek, pandangan seronok itu tidak kurang pula ma'nusia yang menjadi penimbal dalam cherita hidup itu, yang kaadaan-nya semua berbetentangan dengan kaadaan ma'nusia lain. Orang gembira muka gelak tersenyum, mereka itu merinteh, berduka nastapa, menderitā pakayan kain pun bukan, choken pun bukan! tapi rupa-nya saakan2.....

Ada ma'nusia dermawan, dengan rasa penoh insaf, melihatkan ma'nusia yang dahaga di-dalam telaga itu, menyelok pocket lalu bersedkah, maka penderita itu menapong tangan minta kasehan lalu menyambut derma itu. Dalam pada itu tak kurang pula ma'nusia yang tertawa jijik pandang memandang fakir2 itu berjalan terus tiada ambil endah..... Lepas itu.....

Kota besar sudah tidak kelihatan lagi, di-hadapan sana terbentang tanah perkuboran, bercheranchang batu mijal tanda

pusara..... Di-sana nampak beberapa kelompok ma'nusia terbongkok2 merampot dan menajak di-atas pusara, sambil mulot-nya komat kamet sabagai berbisek2 dengan arwah si mati itu terhimpun dalam shurga firdaus. Ada pula yang menaburkan bunga yang beranika warna di-atas pusara tanda kaseh-nya mereka itu akan si mati itu berkekalan.

Selain dari itu tidak kurang pula beberapa banyak tanah2 kubor itu yang terbiar tidak berbela, tiada yang datang merampot, tiada yang meratapi, tiada yang datang membachakan Yasin dan lain2..... Barangkali waris-nya tiada lagi di-atas muka dunia ini.

Sa-tengah jam di-belakang kaadaan menjadi lengang pula, dengan meninggalkan tabiat ma'nusia, memang sifat ma'nusia itu Pro atau anti atau natural sahaja, siapa-kah yang bersalah? Tiada siapa, sebab semua ma'nusia menyangka diri-nya benar. Perbuatan-nya benar..... Dan benar..... Petang itu.....

Hari sudah mulai petang, chuacha redup sedang mata memandang..... Ma'nusia bertambah ramai di-tengah kota. Berchampur baur lelaki perempuan berbagai bangsa tidak kechuali lagi. Sa-kali ini sudah pula bertukar pakayan songkok sudah tinggal di-rumah, dasi keluar dari almari bergayutan di-leher pemuda bersiar ka-tengah kota, gadis2 janda muda turun keluar mempertonton diri, rambut kerinting di-reben merah puteh, kabaya kasa membayang dada..... Kain weron mempertonton peha, semua keluar sudah menghisap udara yang di-harumi oleh Forget me not dan kawan2-nya.....

Mereka tidak lagi mendengar rayuan takbir..... Tetapi irama music mendayu2 membawa mereka berkhayal, siapa-kah

yang tidak akan tertarek oleh suara merdu dalam music yang di-mainkan mengikut masa (Tango, Foxtrot, Blues, Waltz, Rumba, Swing)?

Sekarang mereka telah beratur pula berikur2 panjang enam puluh depa, dengan berharap masing2 akan dapat karchis untok masuk menunton, tak dapat kelas tiga beli kelas dua, tidak dapat kelas dua pindah kelas satu, jikatiada dapat juga ~~tukar~~ minta boksit, jika tidak dapat juga tukar lain panggong, nama undor, bertempoh tidak ada dalam kamus mereka. Demikian ka-kuatan samangat pemuda..... Maju terus, bong!..... Malahan...

Keluar dari panggong perut sudah keronchong, sebab gelak ilai tertawa sebahak sa-puas2-nya, apalagi kalau di-hadapan belakang atau dikiri kanan mereka ada dudok si nona manis, tudong merah, selindang biru: Dan kalau sa-kali sa-kala mereka bertemu pandang lalu mengurak senyum, tempat yang bukan sepatut-nya tertawa pun di-buat2-nya ketawa juga supaya bida-dari manis itu menoleh kapada-nya. Tak jadi sa-kali, dua kali dan maju terus..... Betapa tidak ka-habisan kekuatan Calory..... Patut mereka lapar.

Pulang-kah mereka untok mengisi perut?..... Rumah jauh dan wang maseh banyak, tak perlu pulang. Masuk sahaja ka-salah satu restaurent. Sa-orang daripada mereka telah membena sejarah.....

Dia sekarang dudok mengadap meja bundar yang sudah tersaji dengan ayam goreng, dan rojak, serta tiga botol wiskhy chap John Ball (Black & White).....

Happy New Year! kata Mary pelayan restaurent yang berpakayan saparoh bogel itu dengan senyum yang menawan.

"Happy!....." jawab-nya sambil bangkit mempertemukan gelas chara barat menghormati majlis - mereka minum bersama2 lepas sagelas, lagi sagelas..... Habis sa-botol minta lagi Maju terus sambil bergurau jenaka, yang melayan dan yang kena layan mulai mabok.

Music meningkah Tampo de Tango, ka-dua-nya berpandangan, sama tersenyum, sama faham, mereka bangun berdakap bertemu dada lalu menari, sa-orang menengadah sa-orang tundok, sama2 tersenyum lalu memperlagakan bibir dengan bibir dan bertemu lidah dengan lidah..... Sa-kali lagi maju terus dan maju terus.

Ka-kuatan sarap tak dapat di-kuasai lagi, wang makanan di-bayar, mereka keluar menchari hotel. Hujan gerimis sudah turun dari tadi, pemuda menyeru taxi berhanti di-saberang sana, Mary tinggal dulu pemuda lalu melintas jalan.

"Gam" pemuda mabok huyong hayang itu di-chium oleh lori (Docks) tayar sepuluh..... (accident). Kerita sakit datang mengangkat pemuda di-bawa ka-rumah sakit.

Pemuda menghembuskan nafas akhir - wang di-tawan Mary, ibu bapa di-rumah bengkok mata menangis, pada hal orang maseh berHari Raya.

Tirai di-tutup, cherita tammat..... Penunton keluar dengan perasaan terharu.

Kata sa-orang "Bagus cherita-nya mengenai hidup sa-hari2" kata yang lain "Ikut nafsu-lesu, ikut rasa-binasa, ikut hati mati....."

Sa-orang lagi berkata "Itu semua tidak mengapa. Sebab sa-tahun sa-kali - apa salah joli".

Yang lain2 tertawa.....

TAMMAT